

12/05/2004

Gambar penderaan bukti rakyat AS tidak sokong Bush

By Shukri A.M

SEJAK beberapa hari lalu kita dikejutkan dengan penyiksaan dilakukan askar Amerika Syarikat (AS) di Penjara Abu Ghraib di Baghdad. Berita yang amat menyedihkan ini bukan saja menimbulkan kemarahan rakyat negara ini malah pasti seluruh dunia mengutuk insiden berkenaan.

Jelas AS tidak mempedulikan suara masyarakat antarabangsa dalam menyelesaikan sesuatu konflik terutama apabila membabitkan negara Islam seperti isu Palestin dan Iraq.

Mereka mempunyai motif untuk memperluaskan pengaruh dan mengaut kekayaan dengan kekerasan. Fungsi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula makin lama semakin pudar dan tidak menampakkan keberkesanan dalam penyelesaian krisis yang amat tenat itu.

Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan terus tenggelam dan membisu, manakala Presiden George W Bush terus angkuh dengan kezaliman dan penindasannya.

Dalam penaklukan AS di Iraq, jelas perpecahan antara puak Sunnah, Syiah dan Kurdis seolah-olah memberi laluan mudah kepada AS untuk menceroboh negara itu dengan alasan untuk memusnahkan senjata merbahaya yang dikatakan dimiliki Saddam Hussein.

Dilema negara Islam di abad ini ialah kesukaran untuk mereka bersatu dan masing-masing hanya menjaga kepentingan diri sendiri. Keadaan ini amat ketara berlaku di kalangan negara Arab. Mereka kaya dengan sumber minyak yang boleh menjadi faktor kekuatan dan senjata berkesan negara Islam untuk mengekang pengaruh dan campur tangan AS.

Namun amat malang sekali tidak banyak yang dapat dilakukan apabila AS dan Israel terus menindas umat Islam Iraq dan Palestin. Adalah mustahil bagi negara Islam melawan kuasa Barat dengan kekuatan tentera. Tetapi jika negara Islam mampu menguasai ekonomi dunia, kekuatan negara Barat seperti AS pasti tunduk kepada tekanan.

Tun Dr Mahathir Mohamad pernah mengutarakan isu ini tidak lama dulu tapi malangnya nasihat beliau diambil ringan oleh negara lain.

Kerajaan Russia yang pada satu ketika dulu adalah saingan AS dari segi kekuatan ketenteraan sudah menjadi lemah kerana ekonominya lumpuh. AS tidak perlu bersusah payah melepaskan peluru berpandunya ke arah Russia untuk melemahkan saingannya itu.

AS pula terpaksa akur dengan cita rasa Israel kerana Yahudi ialah golongan menguasai ekonomi negara itu. Apabila rakyat dan pemimpin Palestin dibunuh, Bush seolah-olah menutup sebelah mata untuk melindungi Israel.

Ke mana perginya suara pemimpin Arab Saudi, Mesir Libya atau pun Yaman? Mereka mengambil sikap berdiam diri kerana takut kepada tekanan ekonomi kuasa Barat. Implikasinya, ramailah rakyat Palestin dan Iraq menjadi mangsa kerakusan 'koboil gila Texas' - Bush.

Bagaimanapun, kemarahan kita haruslah kena pada tempatnya. Jangan kita bersikap prejudis dan membenci semua rakyat AS dan Britain. Ramai di antara rakyat di negara itu menentang Tony Blair dan Bush malah tidak bersetuju dengan dasar luar mereka.

Malah di kalangan tentera penceroboh sendiri ada yang secara senyap menentang pemimpin mereka. Kalau tidak, adalah mustahil gambar tahanan Iraq itu diseludup keluar daripada penjara yang dikawal ketat.

Kita seharusnya mempamerkan imej Islam sebenar iaitu membenci peperangan dan menghargai nyawa manusia walau orang kafir sekalipun. Serangan berani mati hanya menyebabkan ramai orang awam yang tidak berdosa terbunuh.

Seperti kata pepatah Melayu `marahkan nyamuk, kelambu dibakar'.

Bilakah akan berakhirnya penindasan dan pembunuhan umat Islam? Tragedi di Palestin, Iraq dan Bosnia memberi kesan mendalam di hati umat Islam. Harapan kita agar organisasi seperti Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dapat memainkan peranan berkesan kerana taring PBB kini dipatahkan dengan mudah oleh `Uncle Sam'.

SHUKRI A.M

Subang Jaya, Selangor.

(END)